

24 SEP 2003

Mahathir-PBB

GESAAAN BAGI PEMBAHARUAN PBB SEMAKIN MENDAPAT PERHATIAN

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata gesaan bagi pembaharuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu semakin mendapat perhatian walaupun kuasa besar dengan kuasa veto mereka mungkin akan menjadi penghalang.

"Saya fikir ia semakin mendapat sambutan...malah Perdana Menteri Sweden (Goran Persson) turut memperkatakan mengenainya, iaitu perlu ada pembaharuan dalam struktur PBB.

"Bagaimanapun kita sedar kuasa besar tidak akan berdiam diri...(penggunaan) kuasa veto mereka, contohnya. Jika mereka veto sebarang cadangan bagi pembaharuan PBB, jika sebuah negara menggunakan veto, maka tentunya tiada apa yang boleh dilakukan," katanya kepada para wartawan Malaysia di sini di akhir lawatan tiga harinya ke Sweden sebelum berlepas ke New York.

"Jadi kita dalam kedudukan serba salah apabila tiada apa yang kita boleh lakukan. Tetapi kita harus menyuarakan pandangan kita," katanya semasa diminta mengulas gesaan bagi pembaharuan badan dunia itu sedang para pemimpin dunia bertemu di New York bagi Persidangan Agung PBB (UNGA) bermula semalam.

Setiausaha Agung PBB Kofi Annan sendiri telah memberitahu persidangan itu bahawa sudah tiba masanya untuk memilih sama ada bagi mengekalkan peraturan antarabangsa yang tertulis selepas Perang Dunia Kedua atau untuk memikirkan satu perubahan radikal terhadap sistem keselamatan antarabangsa.

Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapannya pada sesi UNGA ke 58 itu pada Khamis.

Ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush pada perhimpunan itu semalam yang menggesa negara lain memberikan bantuan di Iraq dan komited secara rasmi kepada Amerika dalam mendapatkan satu resolusi baru PBB yang "akan meluaskan peranan PBB", Dr Mahathir berkata Malaysia merasakan bahawa gesaan itu sudah terlambat.

"Kita tahu sesebuah negara itu walaupun ia kuasa dunia, ia tidak boleh menyelesaikan mana-mana masalah secara bersendirian. Sebab itu awal-awal lagi patutlah (dipastikan) ada kerjasama dari negara-negara lain (sebelum Amerika melancarkan serangan terhadap Iraq). Tapi agak lewatlah bagi pendapat kita jika Amerika nak minta kerjasama dari negara lain sekarang," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menyentuh isu itu pada sesi UNGA, Perdana Menteri berkata beliau tidak akan mempunyai cukup masa untuk memperkatakan perkara itu kerana beliau hanya diberi masa tujuh minit untuk berucap.

"Apa yang boleh saya cakapkan dalam tujuh minit. Ia terlalu singkat...kita hanya boleh menyebut formaliti dan selepas itu tidak dapat mengatakan apa-apa," katanya.

-- BERNAMA

JS AHH RON